

**AMK gesa kerajaan terima tawaran La Rue**  
**MalaysiaKini.com**  
**May 06, 2012**  
**Oleh Zulaikha Zulkifli**

Ketua Angkatan Muda PKR Shamsul Iskandar Md Akin berkata kerajaan perlu menerima tawaran daripada seorang pelapor khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyiasat dakwaan keganasan yang berlaku dalam perhimpunan BERSIH 3.0.

Katanya, penyertaan oleh pelapor khas itu, Frank La Rue, akan meningkatkan lagi kredibiliti panel siasatan yang diumumkan perdana menteri sebelum ini.

Selain penyertaan La Rue, panel berkenaan juga perlu dilihat tidak berpihak dan turut menyertakan wakil daripada organisasi media dan MP Pakatan Rakyat, kata peguam itu.

Katanya lagi, keengganan kerajaan untuk berbuat demikian akan memberi gambaran tidak baik ke atas kredibiliti jawatankuasa berkenaan, kata Shamsul lagi dalam sidang media di ibu pejabat PKR hari ini.

"Kita mengalu-alukan panel bebas seperti yang dikatakan. Anggota mesti dalam kalangan jawatankuasa BERSIH, Ahli Parlimen Pakatan, Wakil Suhakam, wartawan dan juga pelapor khas dari PBB itu," katanya.

La Rue hari ini memberitahu *Malaysiakini* bahawa beliau sedia menawarkan diri untuk menyiasat insiden yang berlaku dalam perhimpunan 28 April itu sekiranya kerajaan menjemput beliau untuk berbuat demikian.

Peguam yang berpangkalan di Geneva itu mengikuti rapat laporan berhubung perhimpunan BERSIH 3.0.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/197126>